

Rakyat dapat manfaat — PM

U.M. 26 MAY 1993

SEOUL 25 Mei — Dato' Sri Mahathir Mohamad menegaskan hari ini bahawa kerajaan akan memastikan rakyat Malaysia akan mendapat manfaat yang sewajarnya dalam pelaksanaan projek-projek rakasasa, seperti Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KLCC) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang baru di Sepang, walaupun mungkin kontrak pembinaannya diberikan kepada pengusaha-pengusaha asing.

Kerana itu, Perdana Menteri menasihatkan firma-firma asing, termasuk pengusaha-pengusaha gergasi Korea sendiri, supaya mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat tempatan bagi membolehkan rakyat Malaysia sama-sama menda-



SIRAJUDDIN RAFIA

Melaporkan dari
SEOUL, KOREA

pat manfaat dari projek bernilai beribu-ribu juta ringgit itu.

Beliau memberitahu para wartawan Malaysia di sini bahawa walaupun banyak syarikat asing amat berminat untuk mendapatkan kontrak atau sub-kontrak dalam pelaksanaan projek-projek itu, tetapi kerajaan memikirkan bahawa firma-firma tempatan juga bukan tidak ada kemampuan untuk menyertainya.

"Jadi kita harus memberi pertimbangan kepada tawaran yang terbaik

dengan mengambil kira kepentingan-kepentingan syarikat-syarikat tempatan. Oleh itu ada baiknya jika mereka mengadakan usaha sama dengan syarikat tempatan supaya walaupun mereka mendapat apa-apa kontrak, syarikat tempatan juga akan sama-sama mendapat manfaat," ujar beliau.

Bercakap dalam satu sidang akhbar sejurus sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pagi ini, Dr. Mahathir memberitahu, dalam pertemuannya dengan para usahawan Korea semalam, kebanyakan mereka amat bermi-

nat untuk meningkatkan pelaburan di Malaysia, terutama sekali untuk menyertai projek-projek pembinaan.

Ini termasuklah dalam pembinaan KLCC yang dianggap sebagai projek dalam peringkat pembinaan yang terbesar di dunia dan projek KLIA, Sepang yang dianggarkan menelan belanja lebih RM20 ribu juta. Kedua-dua projek itu dikatakan menjadi rebutan bukan sahaja dari firma-firma gergasi Korea bahkan juga dari negara-negara lain.

Syarikat Halla Business Group pula, yang mengadakan pertemuan secara berasingan dengan Perdana Menteri, berminat untuk membuka kilang simen di Negeri Sembilan di samping untuk menyertai pembinaan kemudahan-kemudahan pelabuhan di Port Dickson.